



Received: 2026-03-18

Accepted: 2026-06-17

Published: 2026-06-22

Original Article

Analisis Keperluan Pembangunan Model Pendidikan Psikospiritual Islam Untuk Rakan Sebaya Di Politeknik

(Needs Analysis for Developing an Islamic Psychospiritual Education Model for Peer Mentoring in Polytechnics)

Nor Wahida binti Dzalihi'zzabir ^{a*}, Che Zarrina Sa'ari^b & Muhamad Nasir Mohamad Salleh^c

^a Calon PhD, Jabatan Sejarah Tamadun Islam dan Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

^b Profesor di Jabatan Usuluddin dan Dakwah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

^c Pensyarah di Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

* Corresponding author, email; wahidazabir83@gmail.com

ABSTRACT

Peers play an important role as sources of support, social influence, and catalysts for character development among students. Within the context of spiritual education, peers function not only as providers of information but also as direct mentors through daily interactions that may influence students' beliefs, religious practices, and moral conduct. In this regard, the present study aimed to identify the need for developing an Islamic Psychospiritual Education Model for Peer Mentoring (MPPIRS) in polytechnics. This study employed a mixed-method design during the needs analysis phase of the Design and Development Research (DDR) approach. In the qualitative phase, data were collected through semi-structured interviews with three informants. Meanwhile the quantitative process data were obtained through the distribution of questionnaire to 367 polytechnic students. The findings revealed that the students demonstrated a very high level of *aqidah* practices ($M = 4.54$), a high level of *ibadah* practices ($M = 3.86$), and a moderate level of *akhlak* practices ($M = 3.31$). In addition, the need for developing MPPIRS was found to be very high ($M = 4.24$, $SD = 0.65$). The triangulation of quantitative and qualitative findings further confirmed the need for an Islamic psychospiritual education model grounded in the dimensions of *aqidah*, *ibadah*, and *akhlak* through the approaches of *mujāhadah al-nafs* and *riyāḍah al-nafs*. In conclusion, the findings provide important preliminary empirical evidence supporting the development of MPPIRS as a systematic Islamic psychospiritual education framework to strengthen students' spiritual development through peer mentoring in polytechnic institutions.

Keywords: *tazkiyah al-nafs*, Islamic psychospiritual education, peer mentoring, polytechnic students, TVET.

Pengenalan

Pembentukan personaliti dan tingkah laku seseorang individu tidak berlaku secara terasing sebaliknya banyak dipengaruhi oleh faktor persekitaran sosial yang menjadi medium pembelajaran sepanjang proses perkembangan kehidupan.¹ Menurut pandangan tokoh psikologi barat seperti Thorndike, Skinner, Maslow, Sigmund Freud, dan Bronsrenner menyatakan tingkah laku, pemikiran dan perasaan manusia pada asasnya tidak terlepas daripada desakan dan pengaruh persekitaran terutamanya daripada kalangan orang yang rapat dengan diri mereka seperti rakan sebaya, ibu bapa dan masyarakat. Rakan sebaya merupakan salah satu faktor persekitaran sosial yang mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan seseorang individu khususnya remaja. Tempoh kebersamaan yang lebih banyak bersama kelompok rakan sebaya ini telah menjadikan mereka sumber rujukan utama dalam membentuk nilai, tingkah laku dan identiti diri.^{2 3} Albert Bandura (1977) melalui teori pembelajaran sosial yang dibangunkan oleh beliau menekankan bahawa pembentukan personaliti dan tingkah laku seseorang individu boleh berlaku melalui beberapa prinsip pembelajaran sosial iaitu pemerhatian, peniruan dan pemodelan sebagai asas pembelajaran tingkah laku. Menurut perspektif Islam pula, rakan sebaya bukan sahaja berperanan dalam aspek sosial tetapi juga menjadi medium tarbiah yang berkesan dalam membentuk pegangan akidah yang baik, ibadah yang konsisten serta akhlak yang mulia dalam diri seseorang individu.⁴ Oleh itu, beberapa tokoh Islam seperti al-Muḥāsibī, al-Ghazālī, Sa'īd Ḥawwā dan Nāṣih 'Ulwān telah menyatakan pandangan mereka akan kepentingan memilih rakan yang soleh serta menekankan pergaulan dengan golongan ini kerana ia mampu memberi kesan yang baik dalam membentuk keperibadian yang mulia.^{5 6} Hal ini sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Rasulullah SAW yang bermaksud: "*Seseorang itu bergantung pada agama teman karibnya, maka hendaklah seseorang dari kamu melihat (memerhati) siapa yang dijadikan teman karibnya.*" (Riwayat Tirmīdhī, hadis no.2385)

Rasulullah SAW menekankan kepentingan memilih rakan yang baik untuk digauli kerana ia mampu memupuk keperibadian seseorang individu. Menurut al-Muḥāsibī, rakan yang baik dapat menyedarkan dan membimbing rakannya daripada terjerumus ke dalam kesalahan yang bertentangan dengan syariat.⁷ Pandangan ini seiring dengan Nāṣih 'Ulwān⁸ yang menyatakan

¹ Ahmad Yusuff & Fakhul Adabi Abdul Kadir Hasbullah Mat Daud, "Pembentukan Akhlak Dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam," *Journal of Social Science And Humanities, e-Bangi* 17, no. 9 (2020): 75–89.

² Ahmad Munawar Ismail dan Noranizah Yusuf Zakaria Stapa, "Faktor Persekitaran Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri," *Jurnal Hadhari Special Edition*, 2012, 155–72.

³ Jas Laile Jaafar dan Fanny D. Hutagalung Uly Gusniarti, "Sokongan Sosial Rakan Sebaya Sebagai Sumber Kesejahteraan Subjektif: Kajian Dalam Kalangan Remaja Sekolah Menengah Di Yogyakarta, Indonesia," *Jurnal Psikologi Malaysia* 37, no. 2 (2023): 77–92.

⁴ Ummi Syarah Ismail dan Wan Mohd Amjad Wan Halim Noraini Ismail, Mardzelah Makhsin, Afiffuddin Mohammed Noor, "Program Pementoran Islam Rakan Sebaya Sebagai Medium Pendidikan Adab Di Era Society 5.0," *International Journal Of Education, Psychology And Counselling* 7, no. 46 (2022): 545–60, <https://doi.org/10.35631/IJEPC.746041>.

⁵ Noor Muslieh Mustafa Kamal dan Zaharah Hussin, "Pendekatan Heutagogi: Persepsi Murid Terhadap Pentaksiran Rakan Sebaya," *International Journal of Education and Pedagogy* 4, no. 1 (2022): 114–29.

⁶ Salasiah Hanin dan Ahmad Irdha Mokhtar Abu Dardaa Mohamad, *Konsep Tazkiyat Al-Nafs Dan Kesejahteraan Jiwa Al-Muhasibi*, 1st ed. (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2022), 96

⁷ Ibid., 96

⁸ Abdullah Nasih Ulwan, *Tarbiyatul Aulad Fil Islam Mencorak Peribadi Awal Anak*, Jilid 1 (Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd, 2015).163

bahawa pemilihan rakan adalah berdasarkan ciri-ciri akhlak yang baik yang ada pada dirinya kerana apabila pergaulan dilakukan bersama rakan yang rosak akhlaknya maka individu itu juga akan cenderung terpengaruh dengan kerosakan tersebut. Oleh itu faktor persekitaran khususnya rakan sebaya mempunyai potensi besar sebagai mekanisme yang boleh memperkukuh tingkah laku dan akhlak remaja agar selari dengan syariat Islam.⁹ Namun begitu, rakan sebaya juga boleh menjadi faktor yang membawa remaja ke arah tingkah laku berisiko yang juga bertentangan dengan syariat agama.¹⁰

Kajian Literatur

Kajian semasa menunjukkan peningkatan kes gejala sosial dalam kalangan remaja banyak dikaitkan dengan faktor rakan sebaya.^{11 12 13} Kajian Wan Abdul Fattah Wan Ismail¹⁴ membuktikan bahawa rakan sebaya merupakan salah satu faktor utama yang mendorong remaja terlibat dalam amalan seks luar nikah, di samping kelemahan penghayatan agama. Dapatan ini selari dengan beberapa kajian lain yang mengaitkan pengaruh rakan sebaya dengan masalah buli, gejala rempit, ketagihan alkohol dan dadah, rogol, vandalisme, merokok dan jenayah membunuh.^{15 16 17} Fenomena ini bukan sahaja menggugat akhlak remaja malah mendedahkan mereka kepada risiko yang lebih ekstrem sebagaimana dilaporkan dalam beberapa kes buli yang berakhir dengan kematian.¹⁸ Tambahan pula, konflik identiti yang kompleks pada fasa akil baligh yang berlaku dalam diri remaja telah menjadikan rakan sebaya sumber rujukan dominan dalam membentuk sikap, nilai dan pilihan hidup mereka. Situasi ini menjadi lebih parah apabila pengawasan ibu bapa berkurangan, menyebabkan remaja lebih

⁹ Zakaria Stapa, "Faktor Persekitaran Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri."

¹⁰ Mohd Manawi Mohd Akib Nurul Syuhadah Md Yahya, "Perspektif Psikospiritual Islam Terhadap Masalah Spiritual Remaja Berisiko," *Al-Thurath Journal Al-Quran Dan As-Sunnah* 02, no. 2023 (2023): 1–11.

¹¹ Hanina Halimatusaadiah Shahrudin, Nor Jumawaton; Mansor, Mariani; Madon, Zainal; Hamsan, "Hubungan Pengaruh Rakan Sebaya, Estim Diri Dan Lokus Kawalan Dengan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual," *Akademika* 88, no. 2 (2018): 81–94.

¹² Mohd Mawardi Mohd Kamal Normadiana Mohammad Hanapi, Norizah Omar, Mohammad Mokhtar Samat, "Gejala Sosial Di Kalangan Mahasiswa Universiti," *GADING(Online) Journal for Social Sciences* 24, no. 3 (2021): 38–46.

¹³ Tatu Indira Kharunnisa Fazmi Kurnia Dwi Artanti, Rosaline Dinda Arista, "The Influence of Social Environment and Facility Support on Smoking in Adolescent Males in Indonesia," *Journal of Public Health and Research* 13, no. 1 (2024): 1–6.

¹⁴ Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin, Lukman Abdul Mutalib, Nik Salida Suhaila Nik Saleh, Zulfaqar Mamat, Zuriatunfadzilah Sahdan, Syh Noorul Madihah Syed Hussin.

¹⁵ W. O'Connell, P., Pepler, D. dan Craig, "Peer Involvement in Bullying," *Journal Adolescence* 22 (1999): 437–457.

¹⁶ K. dan Kaukiainen Salmivalli, C., Huttunen, A. dan Lagerspetz, K., Bjorkqvist, K., Osterman, "Bullying as a Group Process: Participant Roles and Their Relations To Social Status within the Group," *Agressive Behaviour* 22 (1996): 1–15.

¹⁷ Anthony G. Vito dan Jonathan Intravia Gregory C. Rocheleau, "Peers, Perceptions, and E-Cigarettes: A Social Learning Approach to Explaining E-Cigarette Use Among Youth," *Journal of Drug Issues* 50, no. 4 (2020): 472–89.

¹⁸ Nasrudin Subhi Muzamir Wan Nazri Mohd Suhaimi Mohamad, Nazirah Hassan, "Hubungan Antara Tekanan Psikologikal Dan Kemarahan Dengan Tingkah Laku Buli Dalam Kalangan Pelajar Universiti," *Jurnal Psikologi Malaysia* 35, no. 1 (2021): 14–24.

cenderung menjadikan kumpulan rakan sebaya sebagai model ikutan dan sumber legitimasi sosial.¹⁹

Berdasarkan pengaruh signifikan rakan sebaya yang wujud dalam setiap aspek kehidupan remaja maka ia wajar dijadikan salah satu pendekatan penting dalam proses bimbingan dan penerapan nilai keagamaan. Menurut Noraini Ismail, rakan sebaya mampu berfungsi sebagai mekanisme pelengkap kepada sistem pendidikan Islam khususnya dalam memperkukuh dimensi spiritual pelajar.²⁰ Dimensi spiritual ini merangkumi unsur *al-qalb, al-rūh, al-nafs dan al-'aql* yang menjadi asas kepada pembentukan akhlak seseorang individu.²¹ Ulama tasawuf menekankan pemeliharaan unsur-unsur tersebut melalui latihan kerohanian yang berterusan bagi menyucikannya daripada pengaruh hawa nafsu dan sifat-sifat mazmumah yang boleh menjejaskan pembangunan rohani manusia. Sehubungan itu, Islam menawarkan pendekatan psikospiritual Islam yang bersifat holistik untuk menangani cabaran kerohanian yang berlaku dalam kehidupan manusia pada hari ini. Pendekatan psikospiritual Islam ini bukan sahaja berfungsi sebagai asas pengukuhan akidah, tetapi juga memperdalam penghayatan ibadah serta mempertingkatkan pembinaan akhlak selaras dengan kehendak syariat.^{22 23}

Pendekatan psikospiritual Islam berasaskan konsep *tazkiyah al-nafs* telah dibuktikan sebagai kaedah berkesan dalam menangani pelbagai masalah kerohanian serta memperkukuh amalan spiritual melalui proses penyucian jiwa.^{24 25 26 27 28 29} Psikospiritual Islam didefinisikan sebagai disiplin ilmu yang menggabungkan elemen psikologi dan kerohanian berasaskan prinsip

¹⁹ K.Daniel O'Leary & Susan G. O'Leary, *Classroom Management: The Successful Use of Behavior Modification* (New York: Pergamon Press, 1972).217

²⁰ Noraini Ismail, Mardzelah Makhsin, Afiffuddin Mohammed Noor, "Program Pementoran Islam Rakan Sebaya Sebagai Medium Pendidikan Adab Di Era Society 5.0."

²¹ Mohd Manawi Akib Nurul Syuhadah Md Yahya, "Perspektif Psikospiritua Islam Terhadap Masalah Spiritual Remaja Berisiko," *Journal of Al-Quran and as-Sunnah* 8, no. 22 (2023): 1–11.

²² Che Zarrina Saari dan Sharifah Basirah Syed Muhsin, "Cadangan Model Psikoterapi Remaja Islam Berasaskan Konsep Tazkiyah Al-Nafs," *Jurnal Usuluddin* 36, no. Julai-Disember (2012): 49–74.

²³ Nurul Syuhadah Md Yahya dan Mohd Manawi Mohd Akib, "Perspektif Psikospiritual Islam Terhadap Masalah Spiritual Remaja Berisiko," *Journal of Al-Quran and as-Sunnah* 8, no. 2 (2023): 1–11.

²⁴ Che Zarrina Saari dan Sharifah Basirah Syed Muhsin, "Cadangan Model Psikoterapi Remaja Islam Berasaskan Konsep Tazkiyah Al-Nafs."

²⁵ Md Noor Saper, "Pembinaan Modul Bimbingan 'Tazkiyah An-Nafs' Dan Kesannya Ke Atas Religiositi Dan Resiliensi Remaja" (Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan. Universiti Utara Malaysia, 2012).

²⁶ Ahmad Irdah Mohktar dan Mohamad Zulkifli Abd Ghani Abu Dardaa' Mohamad, Salasiah Hanin Hamjah, "Tazkiyah Al-Nafs Kerangka Maqasid Syariah," *Al-Hikmah* 9, no. 2 (2017): 87–89.

²⁷ Imam Fuadi dan Ilham Dwitama Haeba Achmad Reza Hutama Al Faruqi, "Tazkiyah Al-Nafs Sebagai Terapi Penyakit Jiwa (Tinjauan Hadis)," *Kalimah: Jurnal Studi Agama-Agama Dan Pemikiran Islam* 22, no. 1 (2024): 97–119.

²⁸ Che Zarrina Sa'ari dan Nor Azlinah Zaini, "Terapi Spiritual Melalui Kaedah Tazkiyah Al-Nafs Oleh Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili Dalam Kitab Penawar Bagi Hati," *Afkar* 18, no. Special Issue 2016 (2016): 35–72.

²⁹ Mohd Farid Mohd Sharif dan Jasni Sulong Mohd Suhardi Mat Jusoh, "Pembangunan Kerohanian Menurut Model Tazkiyah Al-Nafs Al-Ghazali: Aplikasinya Dalam Pelaksanaan Program Tarbiah Di Asrama Sekolah – Sekolah Menengah Kebangsaan Agama(SMKA), Pulau Pinang," in *6th International Conference in Islamic Education: Rabbani Education 2018th International Conference in Islamic Education: Rabbani Education 2018*, 2018, 252–63.

Islam.³⁰ Menurut Manawi³¹ psikospiritual Islam adalah berpandukan al-Quran dan al-Sunnah, amalan al-salaf al-ṣāliḥ serta pengetahuan yang sahih bagi merawat kecelaruan jiwa (*al-nafs, al-rūḥ, al-qalb*) dan perilaku moral (akhlak), dengan matlamat akhir mencapai kebahagiaan di akhirat. Sorotan literatur menunjukkan bahawa pendekatan psikospiritual Islam telah diberikan perhatian yang meluas dalam pelbagai kajian terdahulu. Secara umumnya, dapatan kajian membuktikan bahawa pendekatan ini berupaya menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan rohani, pengukuhan kesihatan mental serta membantu menangani pelbagai masalah tingkah laku dan moral. Keberkesanan tersebut menunjukkan bahawa elemen psikospiritual Islam mempunyai potensi yang signifikan sebagai pendekatan pembangunan insan yang holistik.

Selain itu Dalam konteks pembangunan model psikospiritual Islam, sorotan literatur menunjukkan bahawa terdapat banyak kajian berkaitan model psikospiritual Islam yang telah dilakukan sebagai asas pemulihan berkaitan kesihatan jiwa, mental dan perilaku moral. Antaranya, model psikoterapi zikir yang dirangka melalui pendekatan psikoterapi Islam berasaskan metod zikir terbukti dapat meningkatkan motivasi dalaman serta mendorong perkembangan sosial, pembelajaran dan spiritual kanak-kanak autism.³² Begitu juga kajian Nur Shahidah Paad³³ yang mengintegrasikan elemen psikospiritual Islam ke dalam Model Motivasi Pembangunan Remaja bagi menangani cabaran identiti dan tekanan psikososial dalam kalangan remaja. Elemen psikospiritual Islam juga dilihat signifikan dalam menangani isu kontemporari seperti ketagihan pornografi³⁴ serta masalah buli siber³⁵

Walaupun pelbagai model psikospiritual Islam telah dibangunkan dan dibuktikan berkesan dalam menangani isu kesihatan mental, kecelaruan jiwa serta pelbagai bentuk penyimpangan moral, kebanyakan model tersebut lebih tertumpu kepada aspek intervensi dan pemulihan terhadap individu yang telah berhadapan dengan sesuatu masalah. Selain itu, model yang dibangunkan kebanyakannya mensasarkan kepada kumpulan sasaran tertentu seperti kanak-kanak autisme, remaja berisiko, mangsa buli siber dan individu yang mengalami ketagihan pornografi. Keadaan ini menunjukkan bahawa masih terdapat kekurangan kajian yang memfokuskan kepada pembangunan model pendidikan psikospiritual Islam yang bersifat pencegahan dan pembangunan diri secara berterusan dalam konteks pendidikan. Lebih penting, kajian yang mengintegrasikan pendekatan *tazkiyah al-nafs* dengan peranan rakan sebaya sebagai medium bimbingan psikospiritual dalam institusi *Technical and Vocational Education*

³⁰ Muhamad Afiq Abdul Razak dan Mohd Syukri Zainal Abidin, "Psikospiritual Islam Menurut Perspektif Maqasid Al-Syariah: Satu Sorotan Awal," in *Seminar Antarabangsa Kaunseling Islam (SAKI)2020* (Seremban, 2020), 223–32.

³¹ Nurul Syuhadah Md Yahya, "Perspektif Psikospiritual Islam Terhadap Masalah Spiritual Remaja Berisiko."

³² Mohd Syukri bin Zainal Abidin, "Psikoterapi Zikir Dalam Meningkatkan Motivasi Kanak-Kanak Autistik" (2018).

³³ Nur Shahidah Paad, Sharifah Basirah Syed Muhsin, and Mohd Syukri Zainal Abidin, "Implementasi Psikospiritual Islam Dalam Pembentukan Model Motivasi Pembangunan Diri Remaja," *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 23, no. 2 (2021): 405–44, <https://doi.org/10.22452/afkar.vol23no2.11>.

³⁴ Mohd Syukri Zainal Abidin Ayu Nadhirah Mohd Suhaimi, Nurul Husna Mansor, Abd. Aziz Rekan, Khairul Hamimah Mohammad Jodi, "Pembangunan Model Intervensi Kawalan Ketagihan Pornografi Berasaskan Pendekatan Psikospiritual Islam: Satu Analisis Keperluan," *Afkar* 25, no. 1 (2023): 253–90, <https://doi.org/https://doi.org/10.22452/afkar.vol25no1.9>.

³⁵ Md Noor Saper dan Sayyidatina Che Rozubi Mapatan Sudin, "Kesahan Dan Kebolehpercayaan Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam (MBi-Psi) Terhadap Remaja Mangsa Buli Siber," *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 7, no. 7 (2022): 2–13.

and Training (TVET) khususnya di politeknik masih terhad. Justeru, jurang ini menunjukkan keperluan untuk membangunkan satu model pendidikan psikospiritual Islam berasaskan rakan sebaya yang dapat berfungsi sebagai mekanisme pengukuhan akidah, ibadah dan akhlak secara lebih sistematik dan berterusan.

Permasalahan Dalam Kalangan Pelajar Politeknik

Kehidupan pelajar politeknik yang tinggal berjauhan dengan keluarga, sama ada di KAMSIS atau rumah sewa menjadikan rakan sebaya sebagai kelompok sosial yang paling hampir dan berpengaruh dalam membentuk pemikiran, tingkah laku serta penghayatan agama mereka.³⁶ Beberapa kajian di politeknik, mendapati rakan sebaya menjadi faktor pendorong kepada gejala sosial yang bertentangan dengan syariat, termasuk pergaulan bebas, penyalahgunaan dadah, buli, gengsterisme, seks luar nikah, transgender dan buang bayi.^{37 38} Dari aspek kerohanian, pelajar politeknik didapati berada pada tahap amalan ibadah yang sederhana dan lemah, termasuk sengaja meninggalkan solat fardu dan solat Jumaat.^{39 40 41 42} Kajian terkini turut mendedahkan bahawa amalan kerohanian pelajar politeknik masih rapuh, dan walaupun rakan sebaya berpotensi menjadi agen yang memperkukuh spiritual, pengaruh ini belum diinstitusikan secara sistematik dalam kerangka pendidikan.⁴³

Isu lain yang turut mencetuskan cabaran dalam pembangunan spiritual pelajar politeknik ialah peranan kursus Pendidikan Islam yang semakin terhad dalam membentuk penghayatan akidah, ibadah dan akhlak. Pelan Tindakan Pendidikan Tinggi Malaysia 2022–2025 menekankan pembentukan nilai, etika dan kerohanian dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), manakala Dasar TVET Negara 2030 menggariskan keperluan melahirkan graduan yang bukan sahaja kompeten dari aspek teknikal, tetapi turut memiliki nilai murni dan sahsiah terpuji. Aspirasi ini selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan pembangunan insan secara menyeluruh merangkumi aspek intelek, emosi, rohani dan jasmani. Namun demikian, kursus Pendidikan Islam di politeknik telah mengalami pengurangan tempoh

³⁶ Said@Saidi Muda dan Fatmawati Mohamed, "Pengaruh Agen Sosial Terhadap Amalan Kerohanian Islam Dalam Kalangan Pelajar Muslim Politeknik Malaysia," *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research* 3, no. 1 (2023): 42–69.

³⁷ Mohammad Hamdan Abdul Ghani, "Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Agama Kajian Di Politeknik Negeri Johor," in *Webinar ICIEd 2020: International Conference on Islamic Education*, ed. Webinar ICIEd 2020: International Conference on Islamic Education (2020) 15-20 (Webinar ICIEd 2020: International Conference on Islamic Education (2020) 15-20, 2020), 15–20.

³⁸ Sarrunnida Ahmad Zaine dan Isrul Hasrita, "Persepsi Pelajar Terhadap Masalah Sosial: Suatu Kajian Di Politeknik Malaysia," *Jurnal Kejuruteraan, Teknologi Dan Sains Sosial* 1, no. 1 (2020): 1–4.

³⁹ Alias Mat Saad, "Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik Kementerian an Pengajian Tinggi Malaysia" (Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010).

⁴⁰ Seri Kartini Jurami & Fariza Md Sham, "Pengamalan Ajaran Islam Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Ungku Omar , Ipoh The Practice of Islamic Teachings among the Student of Ungku Omar Polytechnic , Ipoh," *Islamiyyat* 35, no. 1 (2013): 29–38.

⁴¹ Said@Saidi Muda dan Fatmawati Mohamed, "Pengaruh Agen Sosial Terhadap Amalan Kerohanian Islam Dalam Kalangan Pelajar Muslim Politeknik Malaysia."

⁴² Azhar Mohd Nawawi dan Sukarni Abd Ghani, "Pelaksanaan Solat Fardhu Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Hulu Terengganu," in *International Conference And Mukhtar On Prophetic Sunnah (ICMAS 2021)* (Pahang: Academy of Hadith KUIPSAS Kolej Universiti Islam Sultan Ahmad Shah Pahang, 2021), 291–302.

⁴³ Said@Saidi Muda dan Fatmawati Mohamed, "Pengaruh Agen Sosial Terhadap Amalan Kerohanian Islam Dalam Kalangan Pelajar Muslim Politeknik Malaysia."

pengajian daripada tiga semester kepada dua semester sejak tahun 2014⁴⁴ sekali gus menghadkan ruang pengukuhan akidah, ibadah dan akhlak dalam kalangan pelajar. Selain itu, sebahagian kandungan kurikulum turut digantikan dengan mata pelajaran wajib (MPW) yang lebih bersifat umum seperti Pengajian Malaysia, Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam, Pengurusan Islam serta Seni dalam Islam. Keadaan ini berpotensi mengurangkan penekanan terhadap aspek penghayatan kerohanian yang bersifat praktikal dan berterusan, sedangkan elemen tersebut merupakan asas penting dalam pembentukan sahsiah dan kesejahteraan spiritual pelajar.

Hal ini turut dinyatakan oleh Ahmad Usaid⁴⁵ bahawa pengisian kursus Pendidikan Islam di politeknik memerlukan pendekatan yang lebih berstruktur disebabkan perubahan dalam struktur pelaksanaan kursus tersebut dalam ruang formal iaitu melalui pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam kelas. Kekurangan ruang formal ini menyebabkan penghayatan agama pelajar perlu diperkukuh melalui aktiviti bukan formal seperti program kerohanian yang dianjurkan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Pusat Islam, Rakan Pusat Islam (RAPI), Sahabat Yadim (SY) dan Kelab Rakan Muda Masjid (KRMM).^{46 47} Hal ini turut diperkukuhkan oleh kajian Ahmad Nazrin⁴⁸ yang menegaskan bahawa penglibatan aktif pelajar di politeknik dalam aktiviti kerohanian mampu menghasilkan pembangunan diri yang lebih berkesan.

Walaupun pelbagai inisiatif kerohanian telah dilaksanakan di politeknik melalui program yang dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Pusat Islam melalui Rakan Pusat Islam (RAPI), Sahabat YADIM (SY) dan Kelab Rakan Muda Masjid (KRMM), kajian terdahulu menunjukkan bahawa penghayatan akidah, ibadah dan akhlak dalam kalangan pelajar masih belum mencapai tahap yang optimum. Pada masa yang sama, pengaruh rakan sebaya yang dominan dalam kehidupan pelajar masih belum dimanfaatkan secara sistematik sebagai medium pembangunan psikospiritual Islam. Berdasarkan sorotan literatur, tiga jurang utama dapat dikenal pasti. Pertama, kebanyakan kajian psikospiritual Islam lebih tertumpu kepada pendekatan intervensi dan pemulihan terhadap individu yang telah berhadapan dengan masalah tertentu, sedangkan kajian yang memfokuskan pembangunan psikospiritual secara pencegahan dan pembangunan sendiri dalam kalangan pelajar TVET khususnya di politeknik masih terhad. Kedua, walaupun terdapat pelbagai kajian berkaitan tazkiyah al-nafs dan pementoran rakan sebaya, kajian yang mengintegrasikan kedua-dua pendekatan tersebut dalam satu kerangka pendidikan psikospiritual Islam yang komprehensif masih belum dibangunkan secara sistematik. Ketiga, walaupun pelbagai program kerohanian berasaskan rakan sebaya telah dilaksanakan di politeknik, sehingga kini belum terdapat model pendidikan psikospiritual Islam yang standard

⁴⁴ Mohammad Hamdan Abdul Ghani, "Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Agama Kajian Di Politeknik Negeri Johor."

⁴⁵ Roslina A. Mohamad Nor dan Mohd Azwan Mohd Askar Ahmad Usaid Mohamad Asri, "Keperluan Amalan Konsep Tazkiyyah Al-Nafs Di Dalam Sistem Akademik Kolej Komuniti Malaysia: Satu Penelitian Intra," in *2ND International General Studies Conferences 2023 (IGESCON 23')* (Kota Kinabalu: Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Tinggi, 2023).

⁴⁶ Yusni Mohamad Yusak & Zainab Hanina Abdul Samad, "Halatuju Kurikulum Pendidikan Islam Di Politeknik Malaysia: Satu Tinjauan Awal," *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013)*, no. ISQAE (2013): 166–72.

⁴⁷ Mior Iskandar bin Mior Azizan, "Amalan Berdakwah Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah" (Disertasi Master yang tidak diterbitkan. UKM, 2016).³⁸

⁴⁸ Khairul Azwan bin Padzil dan Abdul Fattah bin Hamden Ahmad Nazrin Abd Aziz, "Pembangunan Pelajar Melalui Aktiviti Kerohanian: Kajian Kes Di Politeknik Metro Betong Sarawak," *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial* 7, no. 23 (2024): 1–11.

dan boleh dijadikan panduan rasmi dalam membimbing pelaksanaan aktiviti kerohanian secara berstruktur dan berterusan. Oleh itu, kajian analisis keperluan ini dilaksanakan bagi mengenal pasti keperluan pembangunan Model Pendidikan Psikospiritual Islam untuk Rakan Sebaya (MPPIRS) di politeknik sebagai asas kepada fasa reka bentuk dan pembangunan model dalam kerangka Design and Development Research (DDR).

Objektif dan Kerangka Teori

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan pembangunan Model Pendidikan Psikospiritual Islam untuk Rakan Sebaya (MPPIRS) di politeknik berdasarkan perspektif pensyarah dan pelajar dalam fasa analisis keperluan Design and Development Research (DDR).

Kajian menggunakan kerangka teori berasaskan Model Psikospiritual *Tazkiyah al-Nafs* (Penyucian Jiwa) yang bersandarkan kepada pemikiran yang al-Muḥāsibī⁴⁹, al-Ghazālī⁵⁰ dan Sa'īd Ḥawwā⁵¹ yang membahaskan perkara-perkara berkaitan kaedah *tazkiyah al-nafs* (penyucian jiwa) melalui proses *mujāhadah al-nafs* dan *riyāḍah al-nafs* melalui amalan akidah, ibadah dan akhlak. Penggunaan model *Youth Mentoring Model* turut dibincangkan dalam kerangka teori ini bagi menyokong peranan rakan sebaya sebagai pembimbing pendidikan psikospiritual ini⁵². al-Ghazālī menyatakan proses bimbingan rakan boleh digunakan dalam pembangunan akhlak seseorang individu seperti kebolehan mengenal diri, melawan hawa nafsu, dan membimbing dalam amalan kebaikan serta mencegah perkara-perkara berkaitan kemungkaran. Secara umumnya terdapat pelbagai penulisan dan kajian lepas^{53 54 55 56 57} yang telah membincangkan dan merungkai teori ini dalam konteks komponen utama *tazkiyah al-nafs* (penyucian jiwa) dan rakan sebaya sebagai pembimbing aspek kerohanian.⁵⁸

⁴⁹ al-Ḥārith ibn Asad al-Muḥāsibī.

⁵⁰ Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad ibn Muḥammad al-Ghazālī

⁵¹ Sa'īd ibn Muḥammad Dīb Ḥawwā

⁵² Nelson Portillo dan Naida Silverthorn David L.Dubois, Jean E Rhodes, "How Effective Are Mentoring Programs for Youth? A Systematic Assessment of the Evidence," *Psychological Science in The Public Interest* 12, no. 2 (2011): 57–91.

⁵³ Mohd Farid Mohd Sharif dan Jasni Sulong Mohd Suhardi Mat Jusoh, "Pembangunan Kerohanian Menurut Model Tazkiyah Al-Nafs Al-Ghazali: Aplikasinya Dalam Pelaksanaan Program Tarbiah Di Asrama Sekolah – Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Pulau Pinang," in *6th International Conference in Islamic Education: Rabbani Education 2018*, 2018.

⁵⁴ Che Zarrina Saari dan Sharifah Basirah Syed Muhsin, "Cadangan Model Psikoterapi Remaja Islam Berasaskan Konsep Tazkiyah Al-Nafs."


⁵⁵ Abu Dardaa Mohamad, *Konsep Tazkiyat Al-Nafs Dan Kesejahteraan Jiwa Al-Muhasibi*.

⁵⁶ Dayangku Zainab Pengiran Haji Tuah Nur Zainatul Nadra Zainol, "Model Tahaqquh Dalam Tazkiyah Al-Nafs Oleh Said Hawwa Bagi Merawat Jiwa Muslim," *Jurnal Studi Islam Kawasan Melayu* 2, no. 2 (2019): 115–26.

⁵⁷ Che Zarrina Sa'ari dan Nor Azlinah Zaini, "Terapi Spiritual Melalui Kaedah Tazkiyah Al-Nafs Oleh Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili Dalam Kitab Penawar Bagi Hati."

⁵⁸ Noraini Ismail, Mardzelah Makhsin, Afiffuddin Mohammed Noor, "Program Pementoran Islam Rakan Sebaya Sebagai Medium Pendidikan Adab Di Era Society 5.0."

Oleh itu, pengkaji merumuskan perbincangan komponen tersebut sepertimana dalam rajah 1:



Sumber: Adaptasi dari Model Psikospiritual Islam *Tazkiyah al-Nafs* modifikasi pemikiran al-Ghazali, al-Muhasibi dan Said Hawwa dan *Youth Mentoring Model* (Rhodes, 2011)


Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah campuran dalam fasa analisis keperluan berasaskan pendekatan *Design and Development Research* (DDR). Menurut Richey & Klein⁵⁹ metode sesuatu kajian melalui pendekatan DDR bagi tujuan membangunkan sesuatu produk, proses, alat pengukuran dan model adalah dibolehkan sama ada dalam bentuk kajian kes, analisis kandungan, pemerhatian, sorotan literatur, kepelbagaian metod dan kaedah campuran. Pengkaji telah menggunakan kaedah campuran berbentuk *sequential exploratory* (penerokaan berterusan) yang terbahagi kepada dua proses iaitu dimulai dengan kajian kualitatif dan diikuti dengan kuantitatif.⁶⁰ Tujuan pendekatan kaedah campuran berbentuk *sequential exploratory* dalam fasa analisis keperluan DDR ini dipilih ialah bagi membuat penerokaan data secara lebih meluas terhadap keperluan membangunkan MPPIRS khususnya bagi pelajar politeknik. Perkara ini bertepatan dengan pandangan Leavy (2017) bahawa kaedah campuran melibatkan proses pengumpulan data dan pengintegrasian data kualitatif dan kuantitatif bagi mendapatkan kefahaman yang komprehensif sesuatu fenomena kajian. Rajah 2 memaparkan model proses *exploratory sequential* dalam fasa analisis keperluan.

⁵⁹ R. C. Richey and J. D. Klein, *Design and Development Research* (New York: Routledge, 2007). 12

⁶⁰ John W. Creswell & Clark V.L.P, *Designing and Conducting Mixed Method Research*, 3rd ed. (United Kingdom: SAGE Publications, 2018).22

Rajah 2: Model Proses *Exploratory Sequential*



Sumber : Fraenkel/Wallen/Hyun (2014)

Analisis keperluan ialah suatu proses pengumpulan maklumat. Dalam konteks pendidikan, analisis keperluan adalah bertujuan menilai program sedia ada yang dapat mewujudkan keperluan untuk memperkenalkan perubahan sepadan dengan keperluan para pelajar dan pada masa yang sama dapat diterima oleh guru.⁶¹ Sebelum kajian dijalankan pengkaji telah memohon kebenaran untuk menjalankan kajian dari Bahagian Penyelidikan dan Inovasi Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) serta Universiti Malaya Research Ethic (UMREC) no. UM.TNC2/UMREC_4315.

Dalam proses kualitatif, temu bual separa berstruktur telah dilaksanakan menggunakan persampelan bertujuan terhadap tiga orang informan iaitu dua orang pensyarah Pendidikan Islam di politeknik dan seorang pegawai di Bahagian Koordinator TVET dan Pembangunan Pelajar Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Ketiga-tiga informan ini secara umumnya mempunyai pengalaman langsung dengan dengan aspek yang dikaji oleh pengkaji. Bilangan informan yang dipilih oleh pengkaji bukanlah suatu isu yang makro kerana menurut Creswell (2016), selagi mana bilangan informan yang dipilih menepati kriteria yang ditetapkan dan maklumat yang kaya diperolehi daripadanya dapat menyumbang kepada pemahaman yang mendalam terhadap suatu fenomena atau kes yang dikaji maka informan tersebut sudah cukup untuk dijadikan sampel walaupun bilangannya sedikit. Protokol temu bual telah dibuat melalui penyelia projek dan disahkan oleh dua orang pakar iaitu seorang daripada Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan seorang lagi dari politeknik bagi memastikan penggunaan bahasa dan kandungan soalan yang sesuai. Hasil dapatan temu bual telah ditranskription secara verbatim berdasarkan rakaman audio. Analisis data telah dibentuk dengan kod, kategori dan tema yang sesuai berdasarkan tematik analisis menggunakan perisian *microsoft excell*.

Dalam proses kuantitatif, instrumen soal selidik telah dibina hasil daripada dapatan temu bual yang berasaskan kepada prinsip dalam model *exploratory design*⁶² Persampelan diambil dengan kaedah persampelan rawak terhadap 367 orang responden daripada tiga buah

⁶¹ Samira Atefi Boroujeni dan Fateme Moradian Fard, *A Needs Analysis of English for Specific Purposes (ESP) Course For Adoption Of Communicative Language Teaching :{ A Case of Iranian First-Year Students of Educational Administration}*, *International Journal of Humanities and Social Science Invention*, vol. 2, 2013.

⁶² Norman E. Wallen and Hellen H.Hyun Jack R.Fraenkel, *How to Design and Evaluate Research in Education*, 8th Editio (New York: Mc.Graw Hill, 2012).560

politeknik yang sedang mengikuti pengajian di politeknik. Kesahan konstruk, bahasa dan kandungan juga telah dibuat oleh pakar dan hasil *cronbach alpha* dalam kajian rintis adalah baik iaitu melebihi > 0.8. Seterusnya skor min dan interpretasi aras persetujuan dapat ditunjukkan dalam jadual 1 di bawah. Secara keseluruhannya, hasil analisis deskriptif melalui perisian *Statistical Package for The Social Science* (SPSS) digunakan bagi menyokong dapatan dalam fasa kajian kualitatif terhadap keperluan membangunkan MPPIRS bagi pelajar politeknik.

Jadual 3: Interpretasi skor min

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Jainabee Kassim & Jamil Ahmad, (2009)

Dapatan Kajian

Kajian ini dianalisis berdasarkan temu bual dengan beberapa informan bagi memperoleh pandangan terhadap keperluan pembangunan Model Pendidikan Psikospiritual Islam untuk Rakan Sebaya (MPPIRS) di politeknik. Temu bual telah dilakukan terhadap informan yang merupakan pensyarah dan pegawai di Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Selain temu bual, instrumen soal selidik telah diedarkan kepada 367 pelajar politeknik untuk menilai tahap amalan spiritual serta keperluan dalam pembangunan model ini. Analisis telah dilakukan berdasarkan tiga tema utama iaitu *tazkiyah al-nafs* dalam aspek akidah, ibadah dan akhlak dalam pandangan informan-informan seperti dalam jadual 4 berikut:

Jadual 4: Senarai Informan

Informan	Jawatan
Informan 1	Pegawai di bahagian pembangunan pelajar Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)
Informan 2	Pensyarah Pendidikan Islam
Informan 3	Pensyarah Pendidikan Islam

Sumber: Hasil Analisis

Analisis Terhadap Dapatan Kualitatif

1. Pandangan informan terhadap kefahaman dan amalan pelajar terhadap aspek akidah, ibadah dan akhlak.

"Pelajar mempunyai asas akidah yang baik hasil pendidikan awal, namun penghayatan belum konsisten..."(I01).

....."Kurikulum Politeknik kurang memberi penekanan terhadap aspek akidah, ibadah dan akhlak kerana kurikulum yang ada hari ini bersifat umum dan tidak menekankan penghayatan rohani secara mendalam" (I02).

".....Pelajar politeknik ini secara umumnya masih menguasai penguasaan asas akidah, ibadah dan akhlak yang baik, walaupun kita lihat sebenarnya akhlak pelajar masih ditahap memuaskan pada saya. Sebab apa akhlak itu pada tahap memuaskan, sebab pelajar di institusi TVET ni kita tau mereka kebanyakan bukan latar belakang sekolah agama dulu...jadi pengetahuan agama itu setakat asas itu masih ok...."(I03)

".....amalan dan penghayatan tidak seiring..contohnya pelajar masih tinggal solat dan tidak takut untuk menonton media pornografi..."(I01)

"Ramai pelajar tidak istiqamah solat dan bacaan al-Quran... ada yang merumikan kerana tidak kenal huruf." (I02) "Ramai yang tahu beramal tetapi tidak semua menghayati makna ibadah seperti solat, zikir dan tadarus.." (I03).

"Kalau masalah akhlak, mustahil tak da masalah..banyak juga masalah, lebih-lebih lagi sekarang pada pendapat saya lah..kursus yang diajar di politeknik ni tak macam dulu. Kurikulum Politeknik kurang memberi penekanan terhadap aspek akidah, ibadah dan akhlak kerana kurikulum yang ada hari ini bersifat umum dan tidak menekankan penghayatan rohani secara mendalam....."(I02)

".....akhlak pelajar masih ditahap memuaskan pada saya. Sebab apa akhlak itu pada tahap memuaskan, sebab pelajar di institusi TVET ni kita tau mereka kebanyakan bukan latar belakang sekolah agama dulu...jadi pengetahuan agama itu setakat asas je"(I03)

2. Pandangan Informan terhadap kepentingan peranan rakan dalam membimbing kefahaman dan penghayatan pelajar di politeknik.

"...Sokongan dan dorongan rakan sebaya ni penting dalam pembinaan kefahaman dan amalan tazkiyah al-nafs pelajar. Sebab pelajar ni dia lebih percayakan kawan berbanding pensyarah dan mudah berubah kerana pengaruh rakan dia. Sebab itu, rakan yang soleh ini menjadi pemimpin, pembimbing tidak formal. sebab banyak kes pelajar di sini yang hanyut disebabkan terikut rakan yang negatif. Sebab bagi saya kefahaman dalam kelas itu perlu diikat dan terus berlangsung dengan fungsi rakan sebaya diluar bilik kuliah.."(I01)

" ...Rakan Pusat Islam (RAPI) sebagai penggerak utama dalam aktiviti kerohanian di politeknik, mereka memimpin bacaan yassin, menjadi imam solat, qiamullail dan lain-lain. mereka ini sebenarnya berfungsi sebagai model dan pemimpin rohani kepada pelajar yang lain. Walaupun ada pelajar yang berlatar belakang agama, namun mereka juga boleh hanyut jika tiada bimbingan....."(I02)

Rakan Pusat Islam (RAPI) ini akan menjadi role model dalam mengajak, membimbing, memimpin dalam ibadah dan akhlak. Aktiviti yang dijalankan oleh mereka akan memberi kesan psikospiritual terhadap pelajar lain seterusnya dapat mewujudkan bi'ah solehah.."(I03)

3. Pandangan Informan terhadap keperluan pembangunan model psikospiritual Islam untuk rakan sebaya berasaskan konsep *Tazkiyah al-Nafs* (penyucian jiwa) di politeknik.

"Pihak politeknik memberi sokongan yang tinggi terhadap pembangunan model ini. Diharapkan model ini nanti dapat memberi penekanan yang utama terhadap tiga aspek utama agama iaitu akidah, ibadah dan akhlak serta kefahaman kepada pelajar"(I01).

"...satu kajian yang baik kerana ia dapat membantu untuk menyelaraskan kefahaman dan amalan Rakan Pusat Islam (RAPI) di peringkat politeknik dalam pelaksanaan aktiviti kerohanian. kerana sekarang tiada model yang khusus untuk dijadikan panduan dalam pelaksanaan aktiviti agama ini"(I02)

"...Pendekatan tazkiyah al-nafs melalui aspek akidah, ibadah dan akhlak adalah sesuatu yang baik. Oleh itu, model ini nanti akan jadi panduan dan sistem latihan jawatankuasa sebagai pembimbing amalan kerohanian pelajar sebagai medium mendekatkan diri kepada Allah SWT...."(I03)

Analisis Dapatan Kuantitatif.

Demografi Responden

Jadual 5: Demografi Responden (n = 367)

Aspek	Kategori	n	%
Jantina	Lelaki	201	54.8
	Perempuan	166	45.2
Umur	<18 tahun	18	4.9
	18–20 tahun	297	80.9
	21–23 tahun	50	13.6
	>24 tahun	2	0.5
Semester	Semester 1	29	7.9
	Semester 2	269	73.3
	Semester 3	1	0.3
	Semester 4	46	12.5
	Semester 5	21	5.7
	Semester 6	1	0.3
Jenis Sekolah	Aliran Agama	66	18.0
	Aliran Biasa	301	82.0
Penginapan	Dalam Kampus	219	59.7
	Luar Kampus	148	40.3

Sumber: Hasil Analisis

Jadual 5 di atas menunjukkan seramai 367 orang pelajar politeknik terlibat dalam kajian ini. Majoriti responden terdiri daripada pelajar lelaki (54.8%), berumur antara 18 hingga 20 tahun (80.9%) dan majoriti berada pada Semester 2 (73.3%). Dari aspek latar belakang pendidikan, majoriti responden berasal daripada sekolah aliran biasa (82.0%), manakala 18.0% daripada sekolah aliran agama. Selain itu, seramai 59.7% responden tinggal di dalam kampus sepanjang tempoh pengajian.

Jadual 6: Tahap Amalan Kerohanian Pelajar Dari Aspek Akidah, Ibadah Dan Akhlak

Aspek	Purata Min	Interpretasi
Amalan Akidah (B1-B15)	4.54	Sangat Tinggi
Amalan Ibadah (B11-B25)	3.86	Tinggi
Amalan Akhlak (B26-B40)	3.31	Sederhana

Sumber: Hasil Analisis

Jadual 7: Analisis Keperluan Pendekatan Psikospiritual Islam dalam Bimbingan Kerohanian Islam Rakan Sebaya di Politeknik

Bil.	Item Soalan	Min	Interpretasi
1	Pendekatan Psikospiritual Islam perlu dalam bimbingan rakan sebaya di politeknik 3	4.2	Sangat Tinggi
2	Pendekatan psikospiritual Islam penting bagi menyelesaikan masalah sosial dalam kalangan pelajar5 Islam	4.3	Sangat Tinggi
3	Pendekatan psikospiritual Islam boleh membantu meningkatkan penghayatan agama dalam kalangan9 pelajar Islam	4.3	Sangat Tinggi
4	Pelajar lebih mudah cenderung untuk menerima nasihat dari rakan sebaya berbanding dengan pensyarah8 atau ibu	3.9	Tinggi

Sumber: Hasil Analisis

Jadual 8: Triangulasi Dapatan Kualitatif dan Kuantitatif Terhadap Keperluan MPPIRS

Komponen	Dapatan Temu Bual (Kualitatif)	Dapatan Soal Selidik (Kuantitatif)	Min (SD)	Kategori Tazkiyah	Implikasi Pembangunan Model
Akidah (Riyāḍah & Mujahadah al-Nafs)	"Pelajar mempunyai asas akidah yang baik hasil pendidikan awal, namun penghayatan belum konsisten... rakan sebaya seperti RAPI boleh mengikat penghayatan ini	B1–B15: Amalan rukun iman, keyakinan terhadap qada' dan qadar, kebergantungan kepada	4.54 (SD=0.46)	Riyāḍah & Mujāhadah al-Nafs	Perlu pengukuhan akidah praktikal melalui peer mentoring..

	<i>melalui bimbingan rohani." (I01)</i>	Allah.			
Ibadah (Riyāḍah & Mujāhadah al-Nafs)	<p><i>"Ramai pelajar tidak istiqamah solat dan bacaan al-Quran... ada yang merumikan kerana tidak kenal huruf." (I02)</i></p> <p><i>"Ramai yang tahu beramal tetapi tidak semua menghayati makna ibadah seperti solat, zikir dan tadarus (I03).</i></p>	B11–B25: Amalan ibadah yang merangkumi iaitu ibadah solat, puasa, bacaan al-Quran, ibadah sunat, qiamullail, penglibatan program rohani.	3.86 (SD=0.52)	<i>Riyāḍah al-nafs & Mujāhadah al-Nafs</i>	Model perlu sistem sokongan ibadah kolektif: qiamullail, halaqah, disiplin berterusan.
Akhlak (Riyāḍah & Mujāhadah al-Nafs)	<p><i>" Sebenarnya akhlak pelajar masih ditahap memuaskan pada saya. Sebab apa akhlak begitu, sebab pelajar di institusi TVET ni kita tau mereka kebanyakan bukan latar belakang sekolah agama dulu (I03)</i></p> <p><i>"Kalau masalah akhlak, mustahil tak da masalah.banyak juga masalah, lebih-lebih lagi sekarang pada pendapat saya lah..kursus yang diajar di politeknik ni tak macam dulu. Kurikulum Politeknik kurang memberi penekanan terhadap aspek ini kerana kurikulum yang ada hari ini bersifat umum dan tidak menekankan penghayatan rohani</i></p>	B26–B40: Amalan adab, kawalan diri, interaksi beretika, pencegahan maksiat.	3.31 (SD=0.64)	<i>Riyāḍah & Mujāhadah al-Nafs</i>	<i>Peer mentors</i> sebagai agen amar makruf nahi munkar; latihan kepimpinan akhlak.

	<i>secara mendalam(102)</i>				
Keperluan Pembangunan Model	<p><i>"Walaupun ada pelajar yang berlatar belakang agama, namun mereka juga boleh hanyut jika tiada bimbingan...."(102)</i></p> <p><i>"...Sokongan dan dorongan rakan sebaya ni penting dalam pembinaan kefahaman dan amalan tazkiyah al-nafs pelajar. Sebab pelajar ni dia lebih percayakan kawan berbanding pensyarah dan mudah berubah kerana pengaruh rakan dia "(101)</i></p> <p><i>"Pihak politeknik memberi sokongan yang tinggi terhadap pembangunan model ini. Diharapkan model ini nanti dapat memberi penekanan yang utama terhadap tiga aspek utama agama iaitu akidah, ibadah dan akhlak serta kefahaman kepada pelajar"(101).</i></p> <p><i>"...satu kajian yang baik kerana ia dapat membantu untuk menyelaraskan kefahaman dan amalan di peringkat politeknik dalam pelaksanaan aktiviti kerohanian. kerana</i></p>	Keperluan Pendekatan Psikospiritual Islam dalam Bimbingan Kerohanian Islam Rakan Sebaya di Politeknik	4.24 (SD=0.65)		Model diperlukan sebagai panduan rasmi & latihan sistematik di politeknik.

	<p><i>sekarang tiada model yang khusus untuk dijadikan panduan dalam pelaksanaan aktiviti agama ini"(102)</i></p> <p><i>".Pendekatan tazkiyah al-nafs melalui aspek akidah, ibadah dan akhlak adalah sesuatu yang baik. Oleh itu, model ini nanti akan jadi panduan dan sistem latihan jawatankuasa sebagai pembimbing amalan kerohanian pelajar sebagai medium mendekati diri kepada Allah SWT...."(103)</i></p>				
--	---	--	--	--	--

Sumber: Hasil Analisis

Berdasarkan analisis triangulasi antara dapatan kualitatif dan kuantitatif dari jadual 8 di atas, dirumuskan bahawa ketiga-tiga tema utama iaitu akidah adalah pada tahap sangat tinggi, manakala ibadah adalah tinggi dan akhlak berada pada tahap yang sederhana. Dalam aspek akidah nilai purata min adalah 4.54 (SD=0.46) menunjukkan bahawa pelajar mempunyai asas pengetahuan akidah yang baik tetapi ianya perlu dikukuhkan lagi dari aspek penghayatan yang mendalam tentang hakikat iman melalui kaedah penyucian jiwa agar ianya memberi kesan terhadap individu untuk terus istiqamah dalam pelaksanaan amalan agama. Hal ini selari dengan pandangan al-Ghazālī bahawa elemen akidah ini perlu kepada riyādah al-nafs iaitu latihan jiwa yang berperingkat-peringkat dan berterusan agar ia mudah dilaksanakan apabila sudah menjadi kebiasaan.⁶³ Selain itu, amalan ibadah yang dilakukan secara istiqamah (konsisten) memberi kesan secara langsung terhadap proses tazkiyah al-nafs (penyucian jiwa) melalui pembentukan disiplin rohani dan pengawalan hawa nafsu secara berterusan.⁶⁴

Dalam aspek ibadah, walaupun nilai purata min 3.86 (SD = 0.52) menunjukkan tahap ibadah pelajar pada kategori tinggi, namun dapatan kualitatif memperlihatkan wujudnya jurang yang signifikan antara pengetahuan ibadah dan penghayatan perlaksanaannya. Temu bual bersama informan mendedahkan bahawa masih berlaku pengabaian terhadap solat fardu, tidak menjadi

⁶³ Salasiah Hanin dan Noor Shakirah Mat Akhir, "Riyadah Al-Nafs Menurut Al - Ghazali Dan Aplikasinya Dalam Kaunseling Di PK MAINS," *Jurnal Usuluddin* 26 (2007): 45–62.

⁶⁴ Mohd Suhardi Mat Jusoh, "Pembangunan Kerohanian Menurut Model Tazkiyah Al-Nafs Al-Ghazali: Aplikasinya Dalam Pelaksanaan Program Tarbiah Di Asrama Sekolah – Sekolah Menengah Kebangsaan Agama(SMKA), Pulau Pinang."

kebiasaan melaksanakan amalan-amalan sunat serta kelemahan dalam membaca al-Quran. Hal ini menimbulkan persoalan sama ada skor tinggi tersebut benar-benar mencerminkan kefahaman dan penghayatan yang mendalam atau sekadar ritual lahiriah yang kurang disertai dimensi batiniah. Kelemahan ini turut disokong oleh pandangan Hamdan Zakaria & Mohd Fadhil Abd Aziz⁶⁵ yang menegaskan bahawa solat tanpa adanya khusyuk dan ikhlas proses *tazkiyah al-nafs* (penyucian jiwa) tidak akan mencapai fungsi transformasi spiritual iaitu mencegah sifat mazmumah seperti takabbur, ujub dan sombong.⁶⁶ Hal ini seiring dengan firman Allah SWT dalam surah al-Mu'minūn (23:1-3) antara orang-orang yang berjaya ialah mereka yang khusyuk dalam solat dan orang-orang yang menjauhkan dirinya dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia. Analisis ini menunjukkan bahawa kelemahan ibadah bukan semata-mata kerana kelalaian dalam melaksanakan tuntutan syarak, tetapi berpunca daripada jiwa dan hati yang tidak dibina dengan sistematik melalui proses mujāhadah dan riyādah al-nafs. Keadaan ini akhirnya mendedahkan pelajar kepada dominasi nafs al-'ammārah yang melemahkan istiqamah mereka dalam menentang godaan hawa nafsu dan tipu daya syaitan.

Bagi dimensi akhlak, dapatan menunjukkan tahap amalan akhlak pelajar adalah sederhana tinggi dengan purata nilai min 3.31 (SD = 0.64). Namun apabila diteliti melalui temu bual wujud kelemahan ketara yang memperlihatkan jurang antara skor kuantitatif dengan realiti tingkah laku pelajar. Walaupun secara statistik adalah pada tahap memuaskan, hakikatnya pelajar masih lagi terdedah kepada pelbagai isu disiplin seperti pergaduhan dan pertengkaran, mengumpat, mencuri, dan terlibat dalam tingkah laku berisiko serta menonton video pornografi.⁶⁷ Fenomena menzahirkan bahawa kelemahan akhlak pelajar bukan sekadar berpunca daripada faktor individu, tetapi turut dipengaruhi oleh kelemahan struktur pendidikan yang tidak memberi ruang mencukupi untuk pembinaan rohani secara sistematik.⁶⁸ Sehubungan itu, pendekatan *tazkiyah al-nafs* yang berasaskan proses mujāhadah al-nafs dan riyādah al-nafs dilihat sebagai satu keperluan yang penting dalam memperkukuh pembangunan rohani pelajar. Amalan kerohanian yang berterusan seperti solat, puasa, zikir, doa, muhasabah dan tadabbur bukan sahaja berfungsi sebagai ibadah ritual, tetapi sebagai terapi rohani yang mampu menguatkan potensi dalaman pelajar, menanamkan rasa kedekatan dengan Allah SWT serta membentuk nilai-nilai akhlak yang terpuji.⁶⁹ Pandangan informan juga mengukuhkan keperluan ini, dengan menegaskan bahawa pendekatan *tazkiyah al-nafs* wajar dijadikan asas model pendidikan psikospiritual Islam bagi pelajar politeknik. Hanya melalui latihan sistematik inilah akhlak pelajar dapat dibina secara bersepadu dan berterusan, sekali gus menjamin kelestarian rohani dan moral dalam menghadapi cabaran semasa.

⁶⁵ Hamdan Zakaria dan Mohd Fadhil Abd Aziz, "Tazkiyyat Al-Nafs Dan Kepentingannya Dalam Menghapuskan Sifat Mazmumah Dan Menghidupkan Sifat Mahmudah Dalam Diri," in *Proceeding Global Vocational Education Symposium* (ISSN 3090-5257 (Media Online), 2024), 19–22.

⁶⁶ Hayu A'la Aslami, "Konsep Tazkiyatun Nafs Dalam Klitab Ihya Ulumuddin Karya Imam Al-Ghazali" (Institut Agama Islam Negeri Salatiga, 2016).

⁶⁷ Sarrunnida Ahmad Zaine dan Isrul Hasrita, "Persepsi Pelajar Terhadap Masalah Sosial: Suatu Kajian Di Politeknik Malaysia."

⁶⁸ Yusni Mohamad Yusak & Zainab Hanina Abdul Samad, "Halatuju Kurikulum Pendidikan Islam Di Politeknik Malaysia : Satu Tinjauan Awal."

⁶⁹ Syafiqah Solehah Ahmad Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman Tengku Sarina Aini Tengku Kassim, "Psikoterapi Tasawuf Dan Peranannya Dalam Pengurusan Emosi Pelajar Sufi Psychotherapy and Its Role in Managing Students' Emotions," *Journal of Islamic Education* 10, no. 1 (2024): 62–69, <https://doi.org/10.22452/jier.vol10no1.7>.

Akhirnya, dapatan berkaitan keperluan pembangunan model menunjukkan purata min 4.24 (SD = 0.65), manakala analisis temu bual turut mengesahkan keperluan pembangunan Model Pendidikan Psikospiritual Islam untuk Rakan Sebaya (MPPIRS) di politeknik. Informan menegaskan bahawa walaupun ada pelajar yang berlatar belakang agama, mereka juga boleh hanyut tanpa bimbingan yang konsisten. Pelajar lebih mudah menerima nasihat daripada rakan sebaya berbanding pensyarah, dan pihak politeknik juga memberi sokongan terhadap usaha membangunkan model ini. Justeru, pendekatan *tazkiyah al-nafs* yang berteraskan dimensi akidah, ibadah dan akhlak bukan sahaja berfungsi sebagai kerangka pembangunan psikospiritual pelajar, malah berpotensi menjadi asas kepada pembentukan satu model bimbingan rakan sebaya yang sistematik, terancang dan boleh diinstitusikan di politeknik melalui penyelarasan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

Analisis temu bual memperkukuh dapatan ini apabila informan menegaskan bahawa latar belakang pendidikan agama tidak menjamin kelestarian amalan spiritual pelajar. Sebahagian pelajar yang pernah mendapat pendidikan agama formal juga tetap berisiko hanyut apabila tiada bimbingan berterusan yang bersifat dekat dan praktikal. Keadaan ini menzahirkan jurang antara pengetahuan agama dengan penghayatan rohani yang konsisten. Selain itu, dapatan kajian turut memperlihatkan kecenderungan pelajar untuk lebih mudah menerima nasihat daripada rakan sebaya berbanding pensyarah. Fenomena ini menimbulkan implikasi penting bahawa model pendidikan psikospiritual berasaskan rakan sebaya mempunyai nilai pragmatik yang tinggi kerana ia menepati realiti sosial pelajar di politeknik. Tambahan pula, sokongan institusi melalui dasar dan keterbukaan pihak politeknik memperlihatkan peluang yang besar untuk menginstitusikan model ini dalam ekosistem pendidikan teknikal. Oleh itu, pendekatan *tazkiyah al-nafs* yang berteraskan dimensi akidah, ibadah dan akhlak bukan sekadar kerangka konseptual bersifat normatif, tetapi juga berpotensi untuk berfungsi sebagai mekanisme transformasi rohani yang terancang. Apabila disusun dalam bentuk model bimbingan rakan sebaya, pendekatan ini bukan sahaja dapat memperkukuh aspek psikospiritual pelajar, tetapi juga menambah legitimasi akademik dan praktikal kepada usaha penggubalan modul rasmi di bawah penyelarasan institusi seperti Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) terutamanya di Bahagian Pembangunan Pelajar.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, justifikasi pembangunan model psikospiritual Islam berteraskan *tazkiyah al-nafs* untuk rakan sebaya di politeknik menekankan integrasi *riyāḍah al-nafs* melalui latihan kerohanian kolektif yang berterusan serta *mujāhadah al-nafs* dalam tiga dimensi utama, iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Sokongan rakan sebaya sebagai agen bimbingan rohani terbukti menjadi faktor penting dalam memastikan penghayatan *tazkiyah al-nafs* dapat direalisasikan secara konsisten dan relevan dengan cabaran semasa pelajar politeknik. Seiring dengan misi dan visi politeknik yang bertujuan untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi, berpengetahuan, dan berdaya saing dalam memenuhi keperluan tenaga kerja industri. Justeru, integrasi *tazkiyah al-nafs* bukan sahaja memperkukuh aspek kerohanian pelajar, malah membina keseimbangan jasmani, emosi, rohani dan intelek sebagaimana termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, seterusnya melahirkan graduan politeknik yang bukan sahaja kompeten dalam bidang teknikal tetapi juga berakhlak mulia, berjiwa seimbang dan mampu menyumbang kepada pembangunan negara. Justeru, dapatan analisis keperluan ini memberikan asas empirikal yang kukuh bagi pembangunan Model Pendidikan Psikospiritual Islam untuk Rakan Sebaya (MPPIRS) pada fasa reka bentuk dan pembangunan seterusnya dalam kerangka Design and Development Research (DDR).

Penghargaan

Kajian ini adalah di bawah geran khas penyelidikan (GKP) Fasa 2/2024. Dan mendapat pengesahan UMREC: UM.TNC2/UMREC_4315)

Rujukan

- Abdullah Nasih Ulwan. *Tarbiyatul Aulad Fil Islam Mencorak Peribadi Awal Anak*. Jilid 1. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd, 2015.
- Abu Dardaa' Mohamad, Salasiah Hanin Hamjah, Ahmad Irdah Mohktar dan Mohamad Zulkifli Abd Ghani. "Tazkiyah Al-Nafs Kerangka Maqasid Syariah." *Al-Hikmah* 9, no. 2 (2017): 87–89.
- Abu Dardaa Mohamad, Salasiah Hanin dan Ahmad Irdha Mokhtar. *Konsep Tazkiyat Al-Nafs Dan Kesejahteraan Jiwa Al-Muhasibi*. 1st ed. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2022.
- Achmad Reza Hutama Al Faruqi, Imam Fuadi dan Ilham Dwitama Haeba. "Tazkiyah Al-Nafs Sebagai Terapi Penyakit Jiwa (Tinjauan Hadis)." *Kalimah: Jurnal Studi Agama-Agama Dan Pemikiran Islam* 22, no. 1 (2024): 97–119.
- Ahmad Nazrin Abd Aziz, Khairul Azwan bin Padzil dan Abdul Fattah bin Hamden. "Pembangunan Pelajar Melalui Aktiviti Keroahanian: Kajian Kes Di Politeknik Metro Betong Sarawak." *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial* 7, no. 23 (2024): 1–11.
- Ahmad Usaid Mohamad Asri, Roslina A.Mohamad Nor dan Mohd Azwan Mohd Askar. "Keperluan Amalan Konsep Tazkiyyah Al-Nafs Di Dalam Sistem Akademik Kolej Komuniti Malaysia: Satu Penelitian Intra." In *2ND International General Studies Conferences 2023 (IGESCON 23')*. Kota Kinabalu: Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Tinggi, 2023.
- Alias Mat Saad. "Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik Kementerian an Pengajian Tinggi Malaysia." Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010.
- Ayu Nadhirah Mohd Suhaime, Nurul Husna Mansor, Abd. Aziz Rekan, Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Mohd Syukri Zainal Abidin. "Pembangunan Model Intervensi Kawalan Ketagihan Pornografi Berasaskan Pendekatan Psikospiritual Islam: Satu Analisis Keperluan." *Afkar* 25, no. 1 (2023): 253–90. <https://doi.org/https://doi.org/10.22452/afkar.vol25no1.9>.
- Azhar Mohd Nawawi dan Sukarni Abd Ghani. "Pelaksanaan Solat Fardhu Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Hulu Terengganu." In *International Conference And Muktamar On Prophetic Sunnah (ICMAS 2021)*, 291–302. Pahang: Academy of Hadith KUIPSAS Kolej Universiti Islam Sultan Ahmad Shah Pahang, 2021.
- Che Zarrina Sa'ari dan Nor Azlinah Zaini. "Terapi Spiritual Melalui Kaedah Tazkiyah Al-Nafs Oleh Syekh Abdul Qadir Al-Mandili Dalam Kitab Penawar Bagi Hati." *Afkar* 18, no. Special Issue 2016 (2016): 35–72.

- Che Zarrina Saari dan Sharifah Basirah Syed Muhsin. "Cadangan Model Psikoterapi Remaja Islam Berasaskan Konsep Tazkiyah Al-Nafs." *Jurnal Usuluddin* 36, no. Julai-Disember (2012): 49–74.
- David L.Dubois, Jean E Rhodes, Nelson Portillo dan Naida Silverthorn. "How Effective Are Mentoring Programs for Youth? A Systematic Assessment of the Evidence." *Psychological Science in The Public Interest* 12, no. 2 (2011): 57–91.
- Gregory C. Rocheleau, Anthony G. Vito dan Jonathan Intravia. "Peers, Perceptions, and E-Cigarettes: A Social Learning Approach to Explaining E-Cigarette Use Among Youth." *Journal of Drug Issues* 50, no. 4 (2020): 472–89.
- Hamdan Zakaria dan Mohd Fadhil Abd Aziz. "Tazkiyyat Al-Nafs Dan Kepentingannya Dalam Menghapuskan Sifat Mazmumah Dan Menghidupkan Sifat Mahmudah Dalam Diri." In *Proceeding Global Vocational Education Symposium*, 19–22. ISSN 3090-5257 (Media Online), 2024.
- Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yusuff & Fakrhu Adabi Abdul Kadir. "Pembentukan Akhlak Dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam." *Journal of Social Science And Humanities, e-Bangi* 17, no. 9 (2020): 75–89.
- Hayu A'la Aslami. "Konsep Tazkiyatun Nafs Dalam Klitab Ihya Ulumuddin Karya Imam Al-Ghazali." Institut Agama Islam Negeri Salatiga, 2016.
- Jack R.Fraenkel, Norman E. Wallen and Hellen H.Hyun. *How to Design and Evaluate Research in Education*. 8th Editio. New York: Mc.Graw Hill, 2012.
- John W. Creswell & Clark V.L.P. *Designing and Conducting Mixed Method Research*. 3rd ed. United Kingdom: SAGE Publications, 2018.
- K.Daniel O'Leary & Susan G. O'Leary. *Classroom Management: The Successful Use of Behavior Modification*. New York: Pergamon Press, 1972.
- Ahmad, Khadher, Mohd Syukri Zainal Abidin, Mustaffa Abdullah, Siti Rosmani Md Zin, Mohd Farhan Md Ariffin, and Ahmad Zakwan Mohd Fadzil. "Identifikasi Kajian-Kajian Berkaitan Intervensi Preventif Bagi Pedofilia Berdasarkan Systematic Literature Review:(Identification of Studies Related to the Preventive Intervention of Pedophile Based on Systematic Literature Review)." *Online Journal of Research in Islamic Studies* 12, no. 1 (2025): 115-142.
- Klein, R. C. Richey and J. D. *Design and Development Research*. New York: Routledge, 2007.
- Kurnia Dwi Artanti, Rosaline Dinda Arista, Tatu Indira Kharunnisa Fazmi. "The Influence of Social Environment and Facility Support on Smoking in Adolescent Males in Indonesia." *Journal of Public Health and Research* 13, no. 1 (2024): 1–6.
- Mapatan Sudin, Md Noor Saper dan Sayyidatina Che Rozubi. "Kesahan Dan Kebolehpercayaan Modul Bimbingan Integrasi Psikospiritual Islam (MBi-Psl) Terhadap Remaja Mangsa Buli Siber." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 7, no. 7 (2022): 2–13.
- Md Noor Saper. "Pembinaan Modul Bimbingan `Tazkiyah An-Nafs` Dan Kesannya Ke Atas Religiositi Dan Resiliensi Remaja." Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan. Universiti Utara Malaysia, 2012.
- Mior Iskandar bin Mior Azizan. "Amalan Berdakwah Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah." Disertasi Master yang tidak diterbitkan. UKM, 2016.

- Mohammad Hamdan Abdul Ghani. "Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Agama Kajian Di Politeknik Negeri Johor." In *Webinar ICIEd 2020: International Conference on Islamic Education*, edited by Webinar ICIEd 2020: International Conference on Islamic Education (2020) 15-20, 15–20. Webinar ICIEd 2020: International Conference on Islamic Education (2020) 15-20, 2020.
- Mohd Suhaimi Mohamad, Nazirah Hassan, Nasrudin Subhi Muzamir Wan Nazri. "Hubungan Antara Tekanan Psikologikal Dan Kemarahan Dengan Tingkah Laku Buli Dalam Kalangan Pelajar Universiti." *Jurnal Psikologi Malaysia* 35, no. 1 (2021): 14–24.
- Mohd Suhardi Mat Jusoh, Mohd Farid Mohd Sharif dan Jasni Sulong. "Pembangunan Kerohanian Menurut Model Tazkiyah Al-Nafs Al-Ghazali: Aplikasinya Dalam Pelaksanaan Program Tarbiah Di Asrama Sekolah – Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Pulau Pinang." In *6th International Conference in Islamic Education: Rabbani Education 2018th International Conference in Islamic Education: Rabbani Education 2018*, 252–63, 2018.
- . "Pembangunan Kerohanian Menurut Model Tazkiyah Al-Nafs Al-Ghazali: Aplikasinya Dalam Pelaksanaan Program Tarbiah Di Asrama Sekolah – Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Pulau Pinang." In *6th International Conference in Islamic Education: Rabbani Education 2018*, 2018.
- Mohd Syukri bin Zainal Abidin. "Psikoterapi Zikir Dalam Meningkatkan Motivasi Kanak-Kanak Autistik," 2018.
- Muhamad Afiq Abdul Razak dan Mohd Syukri Zainal Abidin. "Psikospiritual Islam Menurut Perspektif Maqasid Al-Syariah: Satu Sorotan Awal." In *Seminar Antarabangsa Kaunseling Islam (SAKI) 2020*, 223–32. Seremban, 2020.
- Noor Muslieah Mustafa Kamal dan Zaharah Hussin. "Pendekatan Heutagogi: Persepsi Murid Terhadap Pentaksiran Rakan Sebaya." *International Journal of Education and Pedagogy* 4, no. 1 (2022): 114–29.
- Noraini Ismail, Mardzelah Makhsin, Afiffuddin Mohammed Noor, Ummi Syarah Ismail dan Wan Mohd Amjad Wan Halim. "Program Pementoran Islam Rakan Sebaya Sebagai Medium Pendidikan Adab Di Era Society 5.0." *International Journal Of Education, Psychology And Counselling* 7, no. 46 (2022): 545–60. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.746041>.
- Normadiana Mohammad Hanapi, Norizah Omar, Mohammad Mokhtar Samat, Mohd Mawardi Mohd Kamal. "Gejala Sosial Di Kalangan Mahasiswa Universiti." *GADING(Online) Journal for Social Sciences* 24, no. 3 (2021): 38–46.
- Nur Zainatul Nadra Zainol, Dayangku Zainab Pengiran Haji Tuah. "Model Tahaqquh Dalam Tazkiyah Al-Nafs Oleh Said Hawwa Bagi Merawat Jiwa Muslim." *Jurnal Studi Islam Kawasan Melayu* 2, no. 2 (2019): 115–26.
- Nurul Syuhadah Md Yahya dan Mohd Manawi Mohd Akib. "Perspektif Psikospiritual Islam Terhadap Masalah Spiritual Remaja Berisiko." *Journal of Al-Quran and as-Sunnah* 8, no. 2 (2023): 1–11.
- Nurul Syuhadah Md Yahya, Mohd Manawi Akib. "Perspektif Psikospiritua Islam Terhadap Masalah Spiritual Remaja Berisiko." *Journal of Al-Quran and as-Sunnah* 8, no. 22 (2023): 1–11.

- Nurul Syuhadah Md Yahya, Mohd Manawi Mohd Akib. "Perspektif Psikospiritual Islam Terhadap Masalah Spiritual Remaja Berisiko." *Al-Thurath Journal Al-Quran Dan As-Sunnah* 02, no. 2023 (2023): 1–11.
- O'Connell, P., Pepler, D. dan Craig, W. "Peer Involvement in Bullying." *Journal Adolescence* 22 (1999): 437–57.
- Paad, Nur Shahidah, Sharifah Basirah Syed Muhsin, and Mohd Syukri Zainal Abidin. "Implementasi Psikospiritual Islam Dalam Pembentukan Model Motivasi Pembangunan Diri Remaja." *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 23, no. 2 (2021): 405–44. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol23no2.11>.
- Said@Saidi Muda dan Fatmawati Mohamed. "Pengaruh Agen Sosial Terhadap Amalan Kerohanian Islam Dalam Kalangan Pelajar Muslim Politeknik Malaysia." *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research* 3, no. 1 (2023): 42–69.
- Salasiah Hanin dan Noor Shakirah Mat Akhir. "Riyadah Al-Nafs Menurut Al - Ghazali Dan Aplikasinya Dalam Kaunseling Di PK MAINS." *Jurnal Usuluddin* 26 (2007): 45–62.
- Salmivalli, C., Huttunen, A. dan Lagerspetz, K., Bjorkqvist, K., Osterman, K. dan Kaukiainen. "Bullying as a Group Process : Participant Roles and Their Relations To Social Status within the Group." *Agressive Behaviour* 22 (1996): 1–15.
- Samira Atefi Boroujeni dan Fateme Moradian Fard. *A Needs Analysis of English for Specific Purposes (ESP) Course For Adoption Of Communicative Language Teaching : (A Case of Iranian First-Year Students of Educational Administration). International Journal of Humanities and Social Science Invention. Vol. 2, 2013.*
- Sarrunnida Ahmad Zaine dan Isrul Hasrita. "Persepsi Pelajar Terhadap Masalah Sosial: Suatu Kajian Di Politeknik Malaysia." *Jurnal Kejuruteraan, Teknologi Dan Sains Sosial* 1, no. 1 (2020): 1–4.
- Seri Kartini Jurami & Fariza Md Sham. "Pengamalan Ajaran Islam Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Ungku Omar , Ipoh The Practice of Islamic Teachings among the Student of Ungku Omar Polytechnic , Ipoh." *Islamiyyat* 35, no. 1 (2013): 29–38.
- Shahrudin, Nor Jumawaton; Mansor, Mariani; Madon, Zainal; Hamsan, Hanina Halimatusaadiah. "Hubungan Pengaruh Rakan Sebaya, Estim Diri Dan Lokus Kawalan Dengan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual." *Akademika* 88, no. 2 (2018): 81–94.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kassim, Syafiqah Solehah Ahmad Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. "Psikoterapi Tasawuf Dan Peranannya Dalam Pengurusan Emosi Pelajar Sufi Psychotherapy and Its Role in Managing Students' Emotions." *Journal of Islamic Education* 10, no. 1 (2024): 62–69. <https://doi.org/10.22452/jier.vol10no1.7>.
- Uly Gusniarti, Jas Laile Jaafar dan Fonny D. Hutagalung. "Sokongan Sosial Rakan Sebaya Sebagai Sumber Kesejahteraan Subjektif: Kajian Dalam Kalangan Remaja Sekolah Menengah Di Yogyakarta, Indonesia." *Jurnal Psikologi Malaysia* 37, no. 2 (2023): 77–92.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin, Lukman Abdul Mutalib, Nik Salida Suhaila Nik Saleh, Zulfaqar Mamat, Zuriatunfadzilah Sahdan, Syh Noorul Madihah Syed Hussin, Mohd Aniq Aiman Alias & Nurul Syazwani Abdullah Kahar. "Tinjauan Awal Terhadap Punca-Punca Yang Menyebabkan Remaja Islam Di Malaysia Terlanjur." In

International Convention On The Basic Structure Of Constitution (ICOBAC) 2021, 349–60, 2021.

Yusni Mohamad Yusak & Zainab Hanina Abdul Samad. "Halatuju Kurikulum Pendidikan Islam Di Politeknik Malaysia : Satu Tinjauan Awal." *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013)*, no. ISQAE (2013): 166–72.

Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail dan Noranizah Yusuf. "Faktor Persekitaran Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri." *Jurnal Hadhari Special Edition, 2012*, 155–72. [http://www.ukm.my/jhadhari/makalah/khas2012/JD005862 155-172.pdf](http://www.ukm.my/jhadhari/makalah/khas2012/JD005862%20155-172.pdf).